

PERKEMBANGAN EMOSI : EMOSI REMAJA DAN PEMBENTUKAN KONSEP KENDIRI (Part 12)

Azizi Hj Yahaya

3.4.1 Keraguan dan Mekanisma Bela Diri

Antara masalah yang timbul dikalangan remaja ialah masalah emosi yang bersangkutan dengan keraguan dan mekanisme bela diri (Mohd. Mansur & Siti Nordinar, 1988). Dalam zaman remaja, segalanya belum tetap dan menentu lagi kerana banyak berlakunya perubahan-perubahan terutamanya perubahan fizikal dan rupa bentuknya yang juga berkait rapat dengan perubahan emosi. Perubahan-perubahan ini menjadikan remaja bimbang dan ragu-ragu sehingga berbagai pertanyaan timbul dan fikiran mereka sehingga kebimbangan itu menakutkan mereka serta menghantui fikiran mereka. Seorang remaja yang terlampau ragu-ragu merasa tidak selesa, takut-takut, suka ambil hati, gementar, rasa bersalah, tertekan dan tegang serta mengakibatkan pemikiran dan situasi yang begitu menyakitkan sekali. Menurut Freud (1946) di dalam Mohd. Mansur & Siti Nordinar (1988), remaja menjadikan mekanisme bela diri sebagai pengurang perasaan ragu dan bimbang dengan mengawal dan menghalang ego daripada diserang atau dilanda oleh kebimbangan iaitu takut yang boleh mengarah kepada keraguan. Walaubagaimana pun menggunakannya ditahap sederhana adalah bersesuaian tetapi terlalu kerap juga akan menyebabkan remaja itu mudah dipengaruhi atau dimanipulasikan sehinggakan ia menolak apa juga bentuk realiti dan juga reasional dan lebih senang kepada bentuk mekanisme bela dirinya walaupun untuk sementara dan jangka masa yang pendek sahaja.

CONTINUE...